**Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

| | |
|---|---|
| **From:** | Jabatan Pendaftar |
| **Sent:** | Monday, 27 February, 2017 9:27 AM |
| **To:** | UUM - All Staff |
| **Cc:** | Staf - Pesara UUM |
| **Subject:** | MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIH PENGAJIAN LANJUTAN YANG KE-150 BIL 2/2017 |

Jabatan Pendaftar
REGISTRAR'S OFFICE
Universiti Utara Malaysia

**27 FEBRUARI 2017**
**30 JAMADILAWAL 1438H**

## MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIH PENGAJIAN LANJUTAN YANG KE-150 BIL 2/2017

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Dengan hormatnya adalah dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Pengajian Lanjutan (JPPL) yang ke-150 Bil. 2/2017** akan diadakan pada **15 Mac 2017 (Rabu)**

Agenda mesyuarat adalah untuk menimbang permohonan cuti belajar untuk mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan PhD, Cuti Sabatikal, Penempatan Industri, Pasca Kedoktoran, pelanjutan tempoh cuti belajar dan hal-hal lain yang berkaitan.

Sehubungan itu, adalah dipohonkan kerjasama Prof./Prof.Madya/Dr./Tuan/Puan untuk mengemukakan permohonan di atas ke Jabatan Pendaftar sebelum **08 Mac 2017 (Rabu).** Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati di laman web Jabatan Pendaftar. http://www.pendaftar.uum.edu.my/.

Sila ambil maklum bahawa:

1. Staf yang mendapat tajaan biasiswa daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan hendak melanjutkan tempoh cuti belajar perlu memohon melalui Sistem Penajaan

Elektronik (eSP) yang boleh diakses melalui capaian **http://esp.mohe.gov.my**. Salinan asal semua dokumen permohonan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Pendaftar.

2. Permohonan untuk cuti belajar (permohonan baru), Cuti Sabatikal dan Pasca Kedoktoran hendaklah dikemukakan terus ke Jabatan Pendaftar. Pemohon akan dimaklumkan untuk mengisi maklumat permohonan melalui eSP selepas Mesyuarat JPPL.

3. Semua dokumen permohonan yang dihantar ke Jabatan Pendaftar hendaklah dibuat salinan untuk simpanan pemohon.

4. **Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan dibentangkan ke mesyuarat JPPL.**

5. Wakil Kolej yang dilantik untuk mempertahankan permohonan Prof./Prof.Madya/Dr./Tuan/Puan dalam mesyuarat JPPL adalah seperti berikut:

   **UUM COB - Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim**
   **UUM COLGIS - Prof. Madya. Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani**
   **UUM CAS - Prof. Madya Dr. Huda Haji Ibrahim**

6. **Pertanyaan untuk dihubungi**

   Penolong Pendaftar – Encik. Rahim Ismail – 04-9283170
   Penolong Pegawai Tadbir – Puan Maznah Mohamad Rejab -04-9283171
   **Melanjut Pengajian:**
   Puan Habibah Hashim- 04-9283172
   **Pelanjutan Tempoh Pengajian:**
   Puan Wan Norazean Mustaffa- 04-9283174
   **Pasca Kedoktoran/ Cuti Sabatikal/Seminar**
   Puan Maznah Mohamad Rejab -04-9283171
   **Kursus Kenegaraan ( BTN )**
   Encik Haswandy Hassan- 04-9283173

Sekian dimaklumkan, terima kasih




Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.